

10 MAY 1996

Mahathir - Perpaduan

PEGANG PERPADUAN DEMI PERJUANGAN YANG BELUM SELESAI, KATA PRESIDEN UMNO

KUALA LUMPUR, 10 Mei (Bernama) -- Perpaduan dalam parti perlu dipegang teguh bagi membolehkan UMNO meneruskan perjuangan yang belum selesai, demi kemajuan dan untuk mencapai kejayaan yang lebih besar pada masa hadapan, kata Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata anggota UMNO juga perlu berusaha mengatasi salah faham sesama sendiri, menumpukan usaha kepada membangunkan negara, tidak tamak kuasa tetapi hanya inginkan kuasa untuk berbakti kepada rakyat dan negara.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata UMNO perlu terus kekal kerana masih banyak yang perlu dilakukan dan walaupun negara mungkin telah mencapai matlamat Wawasan 2020, perjuangan UMNO tidak harus berhenti pada tarikh itu kerana ia bukan masanya untuk hapuskan UMNO.

"Perjuangan kita harus diteruskan, selagi kita pegang kepada nilai-nilai yang mulia, selagi kita menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kita, kita patut kekal UMNO," katanya semasa berucap kepada ribuan ahli dan penyokong UMNO pada Perhimpunan Perdana sempena ulangtahun ke-50 UMNO di Dataran Merdeka di sini, malam ini.

"Kita tahu bukan hak kita untuk berkata kita akan kekal untuk selama-lamanya... ia adalah kuasa Allah, tetapi jangan kita menyebabkan kita gagal, jangan kita menyebabkan kita hancur, justeru itu peganglah kepada perpaduan dalam parti," katanya.

Perdana Menteri yang kerap kali mengingatkan bahawa perjuangan UMNO belum selesai, mahu seluruh anggota parti memperbaharui tekad untuk menjadikan UMNO bersemangat muda bagi segala-galanya, gagah dan terus berpegang kepada matlamatnya untuk memuliakan bangsa Melayu dan memajukan negara.

Beliau berkata Malaysia perlu menjadi sebuah negara maju dalam acuan sendiri, insaf dan tidak lupa daratan, dengan penduduknya yang sederhana, tidak sombong tetapi bersatu padu dan bekerja kuat demi bangsa, negara dan agama.

"Kalau dengan perayaan ini kita dapat memperingati diri kita dengan tanggungjawab bahawa kita terus memikul dan hasrat kita menjadikan sebuah negara maju, maka bermanfaatlah kita mengadakan perhimpunan ini," katanya.

Dr Mahathir berkata Perhimpunan Perdana yang diadakan ini bertujuan untuk mengingatkan setiap anggota UMNO mengenai matlamat perjuangan dan perpaduan yang diwujudkan oleh pemimpin terdahulu.

Katanya, walaupun perjuangan UMNO kini lebih mencabar kepada pengisian kemerdekaan dan menjadikan Malaysia sebuah negara maju, UMNO dan seluruh masyarakat negara ini perlu berusaha mengeratkan perpaduan dan bersatupadu untuk mencapai matlamat itu.

Perdana Menteri berkata walaupun UMNO mempunyai kuasa pemerintahan majoriti lebih 2/3 tetapi parti utama Melayu ini insaf dan sentiasa ingat bahawa kejayaan yang dikecapi selama ini adalah hasil daripada kerjasama parti-parti komponen dan perpaduan pelbagai lapisan masyarakat.

"Kita bangga dan tidak sombong dengan kekuatan kita dan kita hendak bekerjasama, kita hendak kepada perpaduan... kerana itulah negara kita menjadi negara yang aman dan dihormati negara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata banyak negara luar khususnya negara-negara membangun ingin mempelajari cara UMNO melaksanakan pemerintahan, pendekatan serta cara UMNO melaksanakan dasar-dasar sehingga diterima oleh parti komponen kerajaan yang lain.

Beliau yang banyak menyingkap sejarah penubuhan dan perjuangan UMNO

sejak ia ditubuhkan pada 1946, berkata pendekatan politik yang dicipta parti itu adalah luar biasa sehingga dunia melihat UMNO dan negara sebagai sebuah negara yang mempunyai perpaduan tinggi dan pakatan kerjasama antara kaum yang unik.

Kepimpinan awal UMNO yang diterajui oleh Datuk Onn Ja'afar, seterusnya Perdana Menteri pertama Tuanku Abdul Rahman adalah luar biasa sehingga membawa kejayaan besar kepada negara ini, katanya.

Seterusnya di bawah pimpinan Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn yang terus menekankan prinsip perjuangan kepada perpaduan berjaya menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia dan sehingga hari ini, negara terus menikmati kejayaan dalam pelbagai bidang termasuk pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Katanya, negara ini perlu berjaya dalam semua segi dan untuk mencapai kejayaan itu rakyat khususnya generasi muda mesti mempunyai kebolehan yang cukup.

Sehubungan itu, Dr Mahathir mahu generasi muda yakin kepada diri sendiri dan sanggup mempelajari sesuatu sehingga boleh menguasai satu-satu kebolehan untuk mencapai kejayaan.

Perdana Menteri berkata generasi muda adalah pemimpin pada masa hadapan dan kejayaan serta kecemerlangan negara ini terletak dalam tangan mereka.

"Kita serah kepada generasi muda. Saya berharap mereka tidak akan abai tanggungjawab parti ini untuk menjadikan bangsa Melayu dan kaum bumiputera yang lain sebagai bangsa yang dihormati." katanya. -- BERNAMA

HS OBA.